



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 18 Mei 2021

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 8 TAHUN 2021**

KEMUDAHAN UJIAN SARINGAN COVID-19 UNTUK ANGGOTA LGM

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

1. Bagi memastikan penularan pandemik virus Covid-19 dapat di kawal dengan lebih baik dan sebagai langkah tindakan pengesanan awal yang lebih berkesan, kemudahan ujian saringan Covid-19 telah dikemaskini dengan beberapa perkara seperti berikut:
 - a. Kemudahan ujian saringan Covid-19 yang dibenarkan adalah Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) sahaja.
 - b. Kadar yang diperuntukkan adalah dengan nilai maksimum RM250.00 bagi satu ujian dengan kaedah *“pay and claim”* kepada pihak UPSM dengan dilampirkan bersama resit asal dan Borang UKA 10 yang lengkap. Sebarang lebihan kos ujian saringan perlu ditanggung oleh anggota.
 - c. Bagi permohonan atas keperluan individu, kemudahan hanya diberikan secara sekali sahaja untuk setiap anggota kepada anggota tetap LGM sahaja tidak termasuk ahli keluarga. Permohonan perlu dimajukan kepada UPSM bagi dipertimbangkan untuk kelulusan oleh Ketua UPSM.
 - d. Sekiranya melibatkan keperluan ujian tersebut bagi keperluan rawatan di hospital seperti kemasukan ke wad, permohonan boleh dipertimbangkan bersama lampiran surat daripada hospital dengan jusifikasi jelas semasa permohonan kepada UPSM bagi dipertimbangkan untuk kelulusan oleh Ketua UPSM (dengan melampirkan bersama surat rasmi hospital, resit asal dan Borang UKA 10 yang lengkap)
 - e. Bagi tujuan dan keperluan tugas rasmi yang diarahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah/ Timbalan Ketua Pengarah/ Pengarah Bahagian/ Pengarah Negeri/ Ketua Unit, kemudahan ini boleh dipertimbangkan berdasarkan keperluan. Permohonan ini perlu dimajukan melalui Pengarah Bahagian/ Pengarah Negeri/ Ketua Unit dengan justifikasi yang jelas kepada UPSM bagi dipertimbangkan untuk kelulusan oleh Ketua UPSM.

- f. Bagi Pegawai dan Anggota LGM berstatus *Contract for Services (CFS)*, kemudahan ini disediakan bagi tujuan dan keperluan tugas rasmi sahaja berdasarkan arahan bertulis oleh Ketua Pengarah/ Timbalan Ketua Pengarah/ Pengarah Bahagian/ Pengarah Negeri/ Ketua Unit. Kemudahan ini boleh dipertimbangkan berdasarkan keperluan. Permohonan ini perlu dimajukan melalui Pengarah Bahagian/ Pengarah Negeri/ Ketua Unit dengan justifikasi yang jelas kepada UPSM bagi dipertimbangkan untuk kelulusan oleh Ketua UPSM.
 - g. Ujian saringan selain ujian RT-PCR adalah di bawah tanggungan sendiri.
 - h. Arahan ini berkuatkuasa bermula pada tarikh kenyataan ini dikeluarkan.
3. Bersama-sama ini disertakan senario situasi di Lampiran 1 untuk pemahaman lebih jelas dan SOP Covid-19 LGM yang telah dikemaskini untuk makluman dan rujukan semua Pegawai dan Pengkhidmat LGM.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k Ketua Pengarah

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)

Pengarah-Pengarah Bahagian

LAMPIRAN 1

CONTOH SITUASI

Bil.	Situasi	Jenis permohonan	Keputusan
1	Salah seorang anggota LGM telah didapati positif jangkitan virus Covid-19. Semua anggota hadir dan bertugas di dalam satu pejabat diarahkan untuk menjalani ujian RT-PCR.	Arahan Rasmi	Semua pegawai dan anggota LGM termasuk yang berstatus CFS layak untuk mendapatkan kemudahan ini.
2	Encik Aaron adalah Pengkhidmat LGM. Salah seorang keluarga En. Aaron yang tinggal serumah telah didapati positif jangkitan positif Covid-19. Oleh kerana khuatir dirinya telah dijangkiti, beliau telah menjalani ujian RT-PCR dan berhasrat untuk membuat klaim kepada UPSM.	Keperluan Individu	Beliau layak untuk mendapatkan kemudahan yang disediakan sekali sahaja
3	Encik Joe adalah seorang Pegawai di LGM dan telah diarahkan oleh ketua unitnya untuk menghadiri mesyuarat di Putrajaya. Keesokan harinya beliau telah dimaklumkan bahawa salah seorang ahli mesyuarat tersebut adalah positif jangkitan Covid-19. Beliau telah melakukan ujian RT-PCR dengan kadar segera dan pada masa yang sama telah memaklumkan perkara ini kepada ketua unitnya. Jumlah bayaran yang dikenakan adalah sebanyak RM280. Ketua unitnya telah memajukan maklumat dan dokumen yang lengkap kepada KUPSM untuk tujuan klaim kemudahan ujian saringan yang telah dibuat.	Arahan Rasmi	Beliau layak untuk klaim kemudahan tersebut dengan nilai maksimum RM250.